

30/04/1997

Menimbulkan kesedaran IT kepada orang ramai

MAJLIS Teknologi Maklumat Negara (MTMN) memperkenalkan Program Aplikasi Percubaan (PAP) sebagai galakan untuk menimbulkan kesedaran dan mempromosikan teknologi maklumat (IT) kepada orang ramai.

PAP adalah projek jangka pendek bertujuan menggalakkan dan mengembangkan penggunaan IT dan teknologi multimedia hasil ciptaan dan kepakaran rakyat tempatan serta menggunakan kandungan setempat.

Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos Bhd, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata program PAP terbuka kepada orang ramai sama ada peniaga, agensi kerajaan, ahli akademik, organisasi bukan kerajaan dan organisasi tidak mementingkan keuntungan.

"Setiap penyertaan dalam program berkenaan perlu membuktikan bahawa idea yang diketengahkan adalah asli dan eksklusif serta belum pernah dicipta oleh orang lain," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sidang akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi MTMN bagi membincangkan Agenda IT Kebangsaan. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, program itu mempunyai lima ahli jawatankuasa penilai kualiti yang diketuai beliau sendiri bagi menentukan reka cipta dan kandungan yang dipersembahkan memenuhi aspirasi rakyat negara ini serta boleh dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Katanya, melalui program PAP orang ramai yang berada di luar kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak berasa ketinggalan untuk bersama-sama memajukan dan memanfaatkan teknologi multimedia.

Beliau berkata, secara tidak langsung program PAP akan dapat mempercepatkan kementerian dan jabatan kerajaan untuk melakukan uji kaji dengan memanfaatkan aplikasi multimedia dalam program mereka.

Sekretariat MTMN sudah menyiapkan garis panduan dan prosedur bagi mengawal selia cadangan yang dikemukakan oleh orang ramai. Mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat tambahan daripada tapak jaringan MTMN iaitu www.jaring.my/nitc Jun ini.

(END)